



PELUANG KERJAYA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**DIPLOMA
KUMPULAN
PELAKSANA**



PENOLONG PEGAWAI ARKIB GRED S29

**KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

Kekosongan : 3 (2 lelaki, 1 Perempuan)

Simpanan : 7 (4 lelaki, 3 Perempuan)

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Arkib dan Pembantu Pemuliharaan adalah layak dipertimbangkan oleh Suruhanjaya ini untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Arkib Gred S29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- Aplikasi Multimedia
- Fotografi dan Pengimejan Kreatif
- Hubungan Antarabangsa
- Organisasi dan Tenaga Manusia
- Pengajian Maklumat
- Pengajian Maklumat (Pengurusan Sistem Maklumat)
- Pengajian Warisan
- Pengurusan Maklumat
- Pengurusan (Organisasi)
- Pengurusan Awam
- Pengurusan Rekod
- Pengurusan/ Pentadbiran Awam
- Sejarah
- Sistem Pengurusan Maklumat

5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang **telah memperoleh kelayakan/ kelulusan diploma yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan** permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :

[https://spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/
diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-arkib-gred-s29](https://spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/diploma-stp-stpm-stam-hsc/penolong-pegawai-arkib-gred-s29)

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya** permohonan **masih dalam tempoh sah laku** pada tarikh tutup iklan. Walau bagaimanapun, calon perlu **memastikan pusat temu duga dikemas kini sebelum atau pada tarikh tutup iklan**. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **24 Mei 2022 (Selasa), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM